

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

TARIKH : 21 MAC 2025 (JUMAAT)

MASA : 10:00 PAGI - 12:00 TENGAH HARI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA
ARAS 5, BLOK E4/5, KUSKOP
PUTRAJAYA**

**PENGERUSI : YBHG. DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD
KETUA SETIAUSAHA**

KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN A

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	PERUTUSAN PENGERUSI	
1.1	YBhg. Dato' Sri Pengerusi mengucapkan salam dan menyampaikan ucapan salam Ramadan dan selamat menjalani ibadah puasa serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat yang hadir di mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 1/2025.	
1.2	YBhg. Dato' Sri Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara seperti berikut: i) MBJ seharusnya menjadi platform mengeratkan hubungan ukhuwah diantara pegawai dan kakitangan; dan ii) MBJ perlu memberi fokus kepada perkara-perkara yang	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>penyelesaiannya boleh dilaksanakan dengan segera menggunakan sumber dan punca kuasa daripada pihak Kementerian sendiri dengan penambahbaikan optimum.</p> <p>MAKLUM BALAS PERKARA BERBANGKIT DAN PEMBENTANGAN USUL BAHARU</p> <p>iii) Mesyuarat pada hari ini akan mendapatkan maklum balas 4 perkara berbangkit dalam mesyuarat MBJ Bil. 3/2024 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Operasi kunci tayar kenderaan (<i>Clamping</i>); b) Pemakaian batik seragam Kementerian; c) Perkhidmatan Personel MySTEP; dan d) Kiosk Kanchong Darat Cofee by KOPIESATU. <p>Manakala usul baharu yang dikemukakan oleh Perwakilan Pihak Pekerja untuk dibincangkan bersama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kelengkapan Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Yang Terhad; dan b) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. 	
2.0	PERUTUSAN Pengerusi PIHAK PEKERJA	
2.1	Pengerusi Perwakilan Pihak Pekerja mengucapkan salam serta menzahirkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Pengerusi atas kesudian beliau mempengerusikan Mesyuarat MBJ Bil. 1/2025 serta mengalu-alukan pelantikan Ir. Puan Zawiyatul Qubtiyah binti Baharom, Penolong Pengarah, Pusat	MAKLUMAN

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
2.2	<p>Khidmat Kontraktor (PKK), Ibu Pejabat, ahli Perwakilan Pihak Pekerja yang baru bagi mewakili Skim Kejuteraan (J).</p> <p>Pihak Pekerja telah menerima 20 usul baharu secara keseluruhan daripada warga KUSKOP, walau bagaimanapun hanya dua usul dibawa ke mesyuarat MBJ Bil. 1/2025 dan usul-usul lain telah diselesaikan diperingkat Pihak Pekerja.</p>	MAKLUMAN
2.3	<p>Seterusnya, Pengerusi Pihak Pekerja berharap agar isu-isu yang dibangkitkan dapat menemui jalan penyelesaian secara harmoni agar permasalahan dan kebajikan warga KUSKOP terjaga.</p>	MAKLUMAN
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 3/2024	
3.1	<p>Minit Mesyuarat MBJ Bil. 3/2024 yang diadakan pada 2 Disember 2024 disahkan tanpa pindaan.</p>	MAKLUMAN
4.0	MAKLUM BALAS DARIPADA MINIT MESYUARAT MBJ BIL. 3/2024	
4.1	<p>OPERASI KUNCI TAYAR KENDERAAN (CLAMPING)</p> <p>Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) BKP telah menerima surat maklum balas daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH) bertarikh 6 Disember 2024 yang memaklumkan pihak JPPH hanya memberi nasihat penilaian dan perkhidmatan harta meliputi:</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>a) Penilaian tanah, bangunan serta loji dan jentera; dan</p> <p>b) Menyediakan perkhidmatan jualan data transaksi/ sewa harta kepada individu/ perbadanan/ firma.</p> <p>ii) Pada masa ini, JPPH tidak lagi memberikan khidmat nasihat dan penilaian kadar penalti/ caj pentadbiran bagi kunci tayar sebagaimana yang pernah diberikan sebelum ini kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).</p> <p>iii) Justeru, tiada punca kuasa bagi menentukan kadar kunci kereta tersebut. Walau bagaimanapun, BKP telah mengambil tindakan bagi mengawal kenderaan supaya tidak menghalang laluan iaitu:</p> <p>a) Bagi kenderaan KUSKOP (PKK dan <i>Bahagian Business Licensing Electronic Support System (BLESS)</i>) serta Agensi yang mempunyai urusan seperti mesyuarat/ perbincangan di Bangunan KUSKOP, permohonan untuk meletakkan kenderaan di lobi kepada BKP secara e-mel perlu dikemukakan selewat-lewatnya sehari sebelum urusan berlangsung. Untuk makluman Lobi KUSKOP boleh memuatkan maksimum 8 kereta; dan</p> <p>b) BKP juga telah menguatkuasakan penggunaan pelekat kenderaan kepada semua kakitangan KUSKOP di Blok E4/5 dan membuka permohonan kepada pegawai PKK dan BLESS yang kerap ke Blok E4/5. Justeru, kakitangan tersebut dibenarkan untuk meletakkan kenderaan di ruang parkir belakang bangunan KUSKOP, ruang parkir di depan kafeteria</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>dan tadika dengan kawalan Anggota RELA.</p> <p>iv) Oleh yang demikian, BKP berpandangan bahawa tindakan mengunci tayar tidak sesuai untuk diambil memandangkan tiadanya punca kuasa untuk menetapkan nilai kadar kunci serta jumlah kes kenderaan menghalang laluan yang sangat minimum.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan makluman BKP bahawa tindakan mengunci tayar tidak sesuai untuk diambil memandangkan tiadanya punca kuasa untuk menetapkan nilai kadar kunci serta tindakan kontigensi yang telah diambil oleh BKP.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta cadangan penyelesaian dan BERSETUJU dengan saranan BKP.</p>	<p>SELESAI</p>
4.2	<p>PEMAKAIAN BATIK SERAGAM KEMENTERIAN</p> <p>Koperasi KUSKOP (KUSCOOP) Berhad memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Contoh pakaian batik yang berwarna <i>light blue</i> atau pun <i>light grey</i> dengan rekebentuk yang bersesuaian telahpun diserahkan kepada Pejabat KSU bagi tujuan pemilihan rekebentuk dan warna yang sesuai untuk makluman.</p> <p>ii) Cadangan harga yang akan ditawarkan kepada warga KUSKOP adalah seperti berikut:</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>a) Kemeja lelaki lengan panjang (2 Meter), kain jenis <i>viscous</i>, kain sahaja RM90.00 atau siap jahit RM110.00; dan</p> <p>b) Baju wanita (4 meter), kain jenis <i>viscous</i>, kain sahaja RM180.00</p> <p>iii) KUSCOOP mencadangkan agar diadakan pengundian pemilihan rekabentuk dan warna baju batik KUSKOP secara dalam talian kepada seluruh warga KUSKOP sebelum penghujung April 2025 bagi membolehkan tindakan selanjutnya dilaksanakan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>iv) Pihak KUSCOOP melaksanakan rundingan harga bersama pihak pembekal KIRANA UDA bagi memastikan harga baju batik korporat KUSKOP pada harga RM100.00 ke bawah agar tidak membebankan warga KUSKOP;</p> <p>v) Bersetuju agar diadakan pengundian pemilihan rekabentuk dan warna baju batik KUSKOP secara dalam talian kepada seluruh warga KUSKOP sebelum penghujung April 2025; dan</p> <p>vi) Mencadangkan kepada pihak KUSCOOP untuk pemberian potongan harga 20 peratus kepada ahli KUSCOOP.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara iv), v) dan vi) disusuli hingga selesai.</p>	<p>KUSCOOP</p> <p>KUSCOOP</p> <p>KUSCOOP</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
4.3	<p>PERKHIDMATAN PERSONEL MySTEP</p> <p>Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) BPSM telah meneliti keperluan elaun kerja lebih masa di bawah (OS14000) dan tuntutan pelbagai (OS21000) bagi Personel MySTEP di setiap Bahagian KUSKOP bagi maksud kebajikan dan mengekalkan prestasi baik Personel MySTEP. Susulan itu, satu permohonan khas KUSKOP berkenaan perkara ini melalui surat bertarikh 12 Mac 2025 kepada Kementerian Kewangan (MOF) telah dipanjangkan untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya.</p> <p>ii) Sekiranya permohonan ini dipersetujui, tuntutan elaun lebih masa dan belanja pelbagai akan menggunakan peruntukan sedia ada yang telah diluluskan oleh pihak MOF kepada Kementerian ini dan tertakluk kepada peruntukan bahagian masing-masing.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta cadangan penyelesaian dan BERSETUJU dengan saranan BPSM.</p>	SELESAI
4.4	<p>KIOSK KANCHONG DARAT COFFEE BY KOPIESATU</p> <p>Pihak BKP memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Kiosk Kanchong Darat by Kopiesatu mempunyai masalah dalaman pengurusan yang menyebabkan operasi</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>dihentikan pada bulan November hingga Disember 2024. Namun, bermula Disember 2024 hingga kini kiosk tersebut telah kembali beroperasi dengan pekerja yang baharu yang telah dilantik.</p> <p>ii) Kopiesatu mempunyai kontrak sewaan premis demis dengan pihak Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) bermula 1 Jun 2022 hingga 31 Mei 2025. Pihak BPH telah memberi kelulusan kepada pihak Kementerian untuk menyelia kontrak kafeteria dan ruang niaga di lobi Kementerian.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta cadangan penyelesaian dan BERSETUJU dengan saranan BKP.</p>	SELESAI
5.0	PEMBENTANGAN USUL/ ISU BAHARU OLEH NAIB Pengerusi Wakil PEKERJA	
	<p>5.1 KELENGKAPAN PERALATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) YANG TERHAD</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Mesyuarat/ perbincangan secara dalam talian seperti <i>Webex, Zoom, Microsoft Teams, Google Meet</i> dan sebagainya merupakan satu alternatif berkomunikasi secara maya serta merupakan pilihan platform meluas pada masa kini.</p> <p>ii) Kementerian mempunyai 5 bilik mesyuarat, 10 bilik bincang, 1 bilik Latihan dan 3 <i>open space meeting area</i>.</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Namun terdapat kekangan kelengkapan peralatan ICT seperti skrin LCD dan Aplikasi/ Aksesori Persidangan Video (<i>Video Conferencing</i>) yang terhad. Perkara ini telah menyebabkan kesukaran kepada pihak urus setia untuk mengurus setiaikan mesyuarat/ perbincangan secara dalam talian selain turut menjejaskan kualiti mesyuarat.</p> <p>iii) Berdasarkan semakan Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan OS35000 bagi tahun 2025 sebanyak RM300,000.00. Peruntukan tersebut telah diagihkan kepada KUSKOP sebanyak RM165,000.00 dan PKK sebanyak RM135,000.00. Namun begitu peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi bagi perolehan peralatan ICT secara lengkap.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju akan perkara berikut:</p> <p>iv) Terdapat 10 bilik bincang yang tidak mempunyai skrin LCD; dan</p> <p>v) Bahagian Kewangan dan Pembangunan (BKEW) mengenal pasti sekiranya terdapat sebarang penjimatan berdasarkan kelulusan sedia ada bagi pembelian tambahan 3 unit skrin LCD sebagai permulaan untuk ditempatkan di setiap aras atau sektor berdasarkan keperluan yang telah dikenal pasti.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara v) disusuli hingga selesai.</p>	<p>BKEW</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5.2	<p>ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012 - Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C) dan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), perkara 8 (a), bilangan keseluruhan penerima P.P.C. dan APC tidak boleh melebihi 8 peratus daripada jumlah pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian. Daripada hasil pemerhatian terdapat unit yang tidak diberikan kuota APC pada tahun 2024. Selain itu tiada hebahan senarai penerima APC kepada warga KUSKOP setelah selesai penganjuran Majlis penyampaian APC.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012, BPSM telah menyerahkan kriteria pencalonan APC, kuota setiap bahagian dan senarai pegawai-pegawai disetiap Bahagian kepada semua Setiausaha-setiausaha Bahagian dan seterusnya pencalonan yang diterima dibawa ke Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) untuk penilaian selanjutnya.</p> <p>iii) Kuota APC diberi pada setiap Bahagian berdasarkan saiz kakitangan setiap unit-unit di Bahagian berkenaan.</p> <p>iv) Penilaian oleh Ketua Jabatan/ Pegawai Penyelia perlu dibuat secara telus, jujur, adil dan amanah serta tiada</p>	

BIL.	PERKARA		TINDAKAN
		<p>elemen penganiyaan terhadap pegawai yang dinilai.</p> <p>v) BPSM melaksanakan hebahan kriteria dan syarat-syarat asas pencalonan APC sebagai peringatan melalui e-mel kepada warga KUSKOP.</p> <p>Mesyuarat telah mempertimbangkan maklum balas serta cadangan penyelesaian dan BERSETUJU dengan saranan BPSM.</p>	<p>BPSM</p> <p>SELESAI</p>
6.0	HAL-HAL LAIN		
	6.1	<p>KECERIAAN RUANG LOBI DI KEMENTERIAN</p> <p>Pihak Pekerja memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Didapati landskap pokok-pokok di kawasan <i>island</i> KUSKOP semakin berkurangan. Ruang umum/ kaunter/ lobi utama merupakan ruang yang perlu dititikberatkan dalam penjagaan kerana ruang ini sentiasa dikunjungi pelanggan serta mempromosikan imej Kementerian.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara berikut:</p> <p>ii) BKP memaklumkan bahawa bangunan yang diduduki pada masa kini telah lama yang diwarisi dari Kementerian Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sejak tahun 2018. Kebanyakan sistem penyelenggaraan di bangunan ini telah uzur dan terdapat item di dalam kontrak penyelenggaraan yang tidak diluluskan bagi tujuan renovasi.</p>	

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>iii) Ruang legar lobi perlu ditambahbaik dengan elemen korporat yang lebih segar, menarik serta ceria dengan susun atur (<i>presentation</i> dan <i>backdrop</i>) yang bersesuaian dan penyediaan sudut/ ruang informasi sejarah Kementerian berserta pemasangan tanda nama (<i>signage</i>) di dalam dan luar bangunan Kementerian akan dapat meningkatkan imej Kementerian.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara iii) terus disusuli secara berperingkat berdasarkan kapasiti peruntukan sedia ada Kementerian.</p>	BKP
6.2	<p>PROGRAM MADANI RAKYAT</p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Pihak Kementerian telah diberi penghormatan dan tanggung jawab sebagai Kementerian peneraju bagi Program Madani Rakyat pada 9 hingga 11 Mei 2025 di Tawau, Sabah.</p> <p>ii) Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil (BKPPK) telah diberi peranan sebagai Jawatankuasa Induk pengajuran majlis berkenaan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p>	<p style="text-align: center;">MAKLUMAN</p> <p style="text-align: center;">MAKLUMAN</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<p>iii) Pelantikan petugas urus setia di kalangan kakitangan sokongan yang tidak pernah terlibat sebagai urus setia pengajuran majlis-majlis rasmi Kementerian sebelum ini.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya pendekatan perkara iii) dilaksanakan oleh setiap Jawatankuasa Induk dalam semua pelantikan petugas majlis rasmi Kementerian.</p>	SELESAI
6.3	<p>AKTIVITI SUKAN, SOSIAL DAN RIADAH</p> <p>YBhg. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan perkara seperti berikut:</p> <p>i) Supaya semua warga KUSKOP perlu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan, sosial dan riadah untuk meningkatkan kecergasan fizikal/mental serta penerapan <i>work-life balance</i> setiap warga terutamanya bagi aktiviti anjuran Kementerian.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan tindakan perkara berikut:</p> <p>ii) Biro Sukan dan Rekreasi, Kelab Sukan dan Kebajikan KUSKOP (KESUKMA) mengemukakan cadangan takwim pelaksanaan optimum aktiviti sukan, sosial dan riadah tahun 2025 dengan kos yang minima dalam mesyuarat MBJ yang akan datang.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ii) terus disusuli.</p>	KESUKMA

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
7.0	PENUTUP	
7.1	YBhg. Dato' Sri Pengerusi menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat dan berharap segala isu serta cadangan penyelesaian dapat dilaksanakan sesegera mungkin dengan impak yang terbaik untuk kesejahteraan semua warga Kementerian.	
7.2	Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12:00 tengah hari dengan ucapan salam oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi.	

Disediakan oleh:


(SAIFUL AZMI BIN AB HALIM)
 Setiausaha Bersama (Majikan)
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 11/4/2025

Disediakan oleh:


(NADHRAH ATHILAH BINTI RAZALI)
 Setiausaha Bersama (Pekerja)
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 14/4/2025

Disemak oleh:


(DR. MOHD FAIZAL BIN ABDUL GHANI)
 Pengerusi (Pihak Pekerja)
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 21/4/2025

Disahkan oleh:


(DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD)
 Pengerusi
 Majlis Bersama Jabatan

Tarikh: 30/4/2025

SENARAI KEHADIRAN

**MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

PIHAK PENGURUSAN

1. **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud** - *Pengerusi*
Ketua Setiausaha
2. **YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan dan Keusahawanan)
3. **YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak**
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan)
4. **Encik Mohd Asri bin Mohamed**
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
5. **Puan Nur Ezwin binti Kamarudin**
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
6. **Encik Amaruddin bin Isa**
Setiausaha Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
7. **Encik Sharhan bin Shokery**
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
8. **Encik Noorazman Ariff bin Azizul Rahman**
Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor
9. **Encik Ariff Murzali bin Ramlee**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

10. **Encik Saiful Azmi bin Ab Halim** - *Setiausaha Bersama*
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PIHAK PEKERJA

11. **YBrs. Dr. Mohd Faizal bin Abdul Ghani** - *Pengerusi Pihak Pekerja*
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
12. **Puan Rohaizan binti Ismail**
Pegawai Hal Ehwal Islam
Unit Integriti
13. **Puan Nadhrah Athilah binti Razali** - *Setiausaha Bersama*
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan
14. **Puan Arnydah binti Abdul Aziz**
Akauntan
Bahagian Akaun
15. **Encik Mohd Najmi bin Ismail**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan
16. **Encik Abdul Azeef bin Abdul Ariff**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil
17. **Encik Sofiyuddin bin Mat Salleh**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
18. **Ir. Puan Zawiyatul Qubtiyah binti Baharom**
Penolong Pengarah

Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)

19. **Encik Munasir bin Ab Rahim**
Penolong Akauntan
Bahagian Akaun
20. **Puan Noorain binti Baharin**
Penolong Juruukur Bahan
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
21. **Puan Nurhanisah binti Razali**
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
22. **Puan Izzah Hazwani binti Azmi**
Penolong Pegawai Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
23. **Encik Mohd Zain bin Md Ludin**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
24. **Puan Aeida binti Md Nordin**
Setiausaha Pejabat
Pejabat Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
25. **Encik Hafid bin Madderi**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
26. **Encik Muhammad Baihaqi bin Sulaman**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
27. **Puan Ilyyana binti Abd Rahim**
Pembantu Tadbir (Kewangan)

Bahagian Kewangan dan Pembangunan

28. **Encik Mohd Fuad bin Asrumni**
Pengawal Keselamatan
Bahagian Khidmat Pengurusan
29. **Encik Mohd Farid bin Alias**
Pembantu Khidmat Am
Pusat Khidmat Kontraktor (Ibu Pejabat)
30. **Encik Mohd Rizal bin Mahmood**
Pemandu Kenderaan
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PENGURUSAN

1. **YBrs. Dr. Syahrul Idzuan bin Mohamad**
Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan

PIHAK PEKERJA

2. **Ts. Puan Azian Fatilah binti Mia**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian *Business Licensing Electronic Support System*
3. **Puan Noor Hasmiza binti Bismi**
Penolong Pegawai Penerangan
Unit Komunikasi Korporat

TURUT HADIR BERSAMA

1. **Encik Mohd Iskandar bin Amran**
Ketua Unit Audit Dalam

2. **Encik Syarunizam bin Shahwan**
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan
- mewakili Koperasi KUSKOP (KUSCOOP) Berhad

3. **Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali**
Akauntan
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
- mewakili Setiausaha Bahagian Kewangan dan Pembangunan

4. **Puan Siti Nurul Adura binti Daud**
Penolong Setiausaha
Bahagian Khidmat Pengurusan

URUS SETIA

1. **Puan Nur Syafiqah Faziana binti Ismail**
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

2. **Encik Amir Izham bin Alias**
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia